

a716238

**ANALISIS ASAS PEMBAHAGIAN SUNNAH KEPADA
TASYRĪ'YYAH DAN *GHAYR TASYRĪ'YYAH***

NASIRUDDIN BIN HJ AHMAD

**JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2005



**ANALISIS ASAS PEMBAHAGIAN SUNNAH KEPADA
TASYRĪ'ĪYYAH DAN *GHAYR TASYRĪ'ĪYYAH***

NASIRUDDIN BIN HJ AHMAD

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2005

Kajian ini cuba mencari jawapan tentang apakah sebenarnya asas pembahagian *al-Sunnah* kepada *Tasyrī'iyah* dan *Ghayr Tasyrī'iyah* berdasarkan kepada analisis pendapat para sarjana hukum Islam. Hasil daripada kajian ini, pengkaji dapati bahawa dalam kebanyakan urusan *al-'Ibādāt*, *al-Sunnah* adalah bersifat mandatori untuk selama-lamanya, manakala dalam kebanyakan urusan kehidupan, *al-Sunnah* adalah berasaskan kepada pencapaian tujuan yang dikehendaki oleh Syariah. Urusan *al-'Ibādāt*, yang tidak bersifat mandatori untuk selama-lamanya, adalah satu pendekatan yang diamalkan oleh Nabi ﷺ berdasarkan kepada situasi pada ketika itu. *Al-Sunnah* dalam urusan kehidupan yang bersifat mandatori untuk selama-lamanya dikenali sebagai *al-Muqaddarāt*. Bentuk *al-Qiyās* yang digunakan dalam sebahagian besar urusan *al-'Ibādāt* dan *al-Muqaddarāt* ialah *al-Qiyās al-Juz'ī* yang sandarannya ialah suatu deskripsi yang sesuai yang diambil daripada suatu *naṣṣ* yang tertentu. Bentuk *al-Qiyās* yang digunakan dalam urusan kehidupan, ialah *al-Qiyās al-Ma'nawī* yang sandarannya ialah matlamat yang ditetapkan oleh Syariah dalam sesuatu persoalan. Matlamat yang ditetapkan oleh Syariah itu adalah sabit secara putus, melalui kaedah induktif (*al-Manhaj al-Istiqrā'ī*) yang dilakukan ke atas sebahagian besar *naṣṣ-naṣṣ* dalam persoalan tersebut. Tidak mungkin berlaku percanggahan di antara sesuatu *naṣṣ* dan matlamat yang telah sabit dengan cara yang putus itu. Jika didapati pada zahirnya percanggahan, ini bererti *naṣṣ* yang khusus itu sebenarnya adalah suatu pendekatan semasa yang digunakan oleh Nabi ﷺ dalam menangani sesuatu persoalan berdasarkan kepada situasi tertentu untuk mencapai matlamat Syariah dalam persoalan tersebut.

ABSTRACT

This research revolves around the idea of classifying *al-Sunnah* into a permanent binding ruling and unbinding one and standards of such classification. This is the issue the researcher attempts to investigate by analyzing the jurists' direct or indirect opinion in relation to the issue. The researcher arrived that the majority of *al-Sunnah* related to devotional acts is a permanent binding ruling, whereas the majority of *al-Sunnah* related to non devotional acts depends on actualization of the objective of *Syari'ah* in matter concern. *Al-Sunnah* related to devotional acts which is not a permanent binding ruling is a mechanism adopted by the Prophet ﷺ based on the conditions and circumstances of his time. *Al-Sunnah* related to non devotional acts which is a permanent binding ruling known as *al-Muqaddarāt*. In dealing with the majority of devotional acts, the analogy used is the one which is based on the consistent and evident attribute taken from a specific text, whereas in dealing with the majority of non devotional acts, the analogy used is the one which is based on the objective determined by *Syariah* in matter concern. This *Syariah* objective is conclusive in nature due to its confirmation which is obtained through the inductive method done on the combination of *Syariah* texts related to matter concern. There is no contradiction between specific *Syariah* text (*al-Sunnah*) in an issue and its objective. If any non-compromising contradiction appears, then it means that the specific *Syariah* text (*al-Sunnah*) is in fact the means used by the Prophet ﷺ in achieving that objective which suits the conditions and circumstances of his time, and as such reliance should be on what achieves *Syariah* objective in stead of relying on the content of a specific *Syariah* text (*al-Sunnah*) because what is supported by the combination of texts together is prior in consideration than what is indicated by one text.

هذا البحث يدور حول فكرة تقسيم السنة إلى ملزم ودائم وإلى غير ملزم، والأسس التي يقوم عليها هذا التقسيم. هذه هي القضية التي يريد الباحث بحثها عن طريق تحليل آراء الفقهاء في هذا الخصوص سواء المباشر منها أو غير المباشر. ونتيجة لهذا البحث توصل الباحث إلى أن الأغلب في أمور العبادات هو صفة التشريع الملزم الدائم، بينما الأغلب في أمور العادات هو ما يتوقف على تحقيق المصلحة المتبغاة في أمر من أمور الحياة. أمور العبادات التي ليس لها صفة التشريع الملزم الدائم هي التي تعتز من قبيل وسائل أداء العبادات التي أخذ بها النبي ﷺ بناء على الأحوال والظروف في زمنه ﷺ. أمور العادات التي لها صفة التشريع الملزم الدائم يعرف بالمقدرات. نوع القياس المعمول به في أغلب أمور العبادات والتعدييات هو القياس الجزئي وهو الذي يكون مناطه الوصف الظاهر المنضبط المستنبط أو المستخرج من نص شرعي، بينما نوع القياس المعمول به في أغلب أمور العادات هو القياس المعنوي وهو الذي يكون مناطه المصلحة الشرعية في أمر من الأمور الدنيوية. المصلحة الشرعية التي هي مناط الحكم في القياس المعنوي ثبتت بالطريق القطعي، لأنها ثبتت باستقراء أغلب النصوص الشرعية في ذلك الأمر. لا يوجد تعارض بين النص الخاص في أمر والمصلحة الشرعية في ذلك الأمر، فإذا حدث في الظاهر تعارض واضح بحيث لا يمكن التوفيق بينهما فذلك يعني أن ذلك النص الخاص يمثل الوسيلة التي أخذ بها النبي ﷺ من أجل تحقيق المصلحة في ذلك الأمر والتي تناسب الظروف والحالة التي صدر فيها ذلك النص الخاص، وبالتالي يجب العمل بما يحقق المصلحة الشرعية ولا يمكن الأخذ بالعكس وهو الاعتماد على النص الخاص، لأن ما تعاضدت عليها النصوص وهي المصلحة الشرعية أقوى وأولى بالاعتبار مما دل عليه نص واحد.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan kesabaran beliau sepanjang pengkaji menyiapkan disertasi ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada sahabat saya, Ustaz Mad Yaidi Tok Lubuk dan Dr. Mohd Fuad bin Sawari di atas keikhlasan mereka membantu pengkaji dalam menyiapkan disertasi ini.

Setinggi penghargaan juga ditujukan untuk semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia terutamanya buat Ketua Jabatan, Ustaz Mohd Ibrahim Rahim yang amat memahami situasi pengkaji dalam tempoh menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada kakitangan Jabatan Fiqh dan Usul dan Bahagian Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya di atas segala maklumat dan kerjasama yang telah diberikan. Begitu juga terhadap mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

DEDIKASI

YA ALLAH

Ku panjatkan kesyukuran kepada Mu

Di atas segala rahmat Mu yang telah memberikan kekuatan kepada ku

Dalam menyiapkan disertasi ini.

AL-FATIHAH

Buaf Ayahanda Bonda yang tercinta

Doa dan restu kalian mengiringi kejayaan ku

DEDIKASI

Ku tujukan khusus buat isteri yang tercinta

Sharifah Bt Mat Deris

Dan anak-anak yang amat dikasihi,

Salwa Hayati

Nismah Hayati

Muhammad Haitham

Amal Hayati

Ahlam Hayati

Di atas segala pengorbanan dan tidak jemu-jemu memberi dorongan dan semangat

kepada pengkaji dalam menjayakan kajian ini.

DAFTAR ISI

KANDUNGAN	HALAMAN
PRELIMINARI	
Abstrak	iii
Abstract	iv
ملخص	v
Penghargaan	vi
Dedikasi	vii
Daftar Isi	viii
Senarai Kependekan	xi
Panduan Transliterasi	xii
BAHAGIAN PENDAHULUAN	
I. Pengenalan	xiv
II. Latar Belakang Masalah Kajian	xvi
III. Objektif Kajian	xvii
IV. Kepentingan Kajian	xviii
V. Skop Kajian	xix
VI. Ulasan Penulisan	xx
VII. Metodologi Kajian	xxxvii
VIII. Sistematika Penulisan	xxxix
BAB PERTAMA : <i>AL-SUNNAH</i> : KONSEP DAN PEMBAHAGIANNYA	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Konsep <i>al-Sunnah</i>	1
1.2.1 Pengertian Bahasa	1
1.2.2 Pengertian Istilah	5

1.3	Konsep <i>al-Tasyrī'</i>	10
1.3.1	Pengertian Bahasa	10
1.3.2	Pengertian Istilah	13
1.4	Pembahagian <i>al-Sunnah</i>	14
1.4.1	<i>Al-Sunnah al-Tasyrī'iyah</i>	15
1.4.2	<i>Al-Sunnah Ghayr al-Tasyrī'iyah</i>	21
1.5	Asas Pembahagian <i>al-Sunnah</i>	29
1.6	Kesimpulan	31

BAB KEDUA : KATEGORI *AHKĀM AL-SUNNAH*

2.1	Pengenalan	32
2.2	Pembahagian <i>Ahkām al-Sunnah</i>	34
2.3	Asas Penerimaan Pembahagian <i>Ahkām al-Sunnah</i>	46
2.3.1	Penerimaan Prinsip Syariah	46
2.3.2	Penerimaan Istilah <i>al-Ma'nā</i>	54
2.4	Ciri-Ciri Dan Asas Kewajipan (<i>Al-Manāṭ</i>) Bagi Setiap Kategori	64
2.4.1	Kategori <i>al-'Ibādāt</i>	64
2.4.2	Kategori <i>al-'Ādāt</i>	66
2.4.3	Kategori <i>al-'Ibādāt</i> Yang Bersifat <i>Maṣlahī</i> Atau <i>Wasā'ilī</i>	67
2.4.4	Kategori <i>al-'Ādāt</i> Yang Bersifat <i>Ta'abbudī</i> Atau <i>Tawqīfī</i>	69
2.4.5	<i>Ahkām al-Sunnah</i> Yang Tidak Ada <i>Ijmā'</i> Tentangnya Sebagai <i>al-Ta'abbudīyyāt</i>	75
2.5	Pembahagian <i>al-'Illah</i> Atau <i>al-Manāṭ</i> Berdasarkan Kepada Kategori Hukum	76
2.5.1	Pengertian <i>al-'Illah</i> Atau <i>al-Manāṭ</i> Secara Umum	76
2.5.2	<i>Al-'Illah</i> Atau <i>al-Manāṭ</i> Yang Dipakai Dalam <i>al-Qiyās al-Juz'ī</i>	79
2.5.3	<i>Al-'Illah</i> Atau <i>al-Manāṭ</i> Yang Dipakai Dalam <i>al-Qiyās al-Ma'nawī</i>	86
2.6	Kesimpulan	93

BAB KETIGA : ASAS PEMBAHAGIAN *AL-SUNNAH*

3.1	Pengenalan	94
3.2	Asas-Asas Yang Digunakan Oleh Para Sarjana Hukum	94
3.2.1	Sumber <i>al-Sunnah</i>	95
3.2.2	Kapasiti Nabi ﷺ Semasa Memutuskan Sesuatu Ketetapan	97
3.2.3	Matlamat Dan Tujuan Sesuatu Perkara Itu Disampaikan Oleh Nabi ﷺ	98
3.3	Penggunaan Metodologi <i>al-Qiyās al-Ma 'nawī</i>	100
3.3.1	Ciri-Ciri Umum <i>al-Manāṭ</i> Dalam <i>al-Qiyās al-Ma 'nawī</i>	103
3.3.2	Ciri-Ciri <i>al-Manāṭ</i> dalam <i>al-Qiyās al-Ma 'nawī</i> Dalam Konteks Individu	108
3.3.3	Ciri-Ciri <i>al-Manāṭ</i> Dalam <i>al-Qiyās al-Ma 'nawī</i> Dalam Konteks Masyarakat Dan Negara	135
3.4	Kesimpulan	150

BAB KEEMPAT : PENUTUP

4.1	Pengenalan	151
4.2	Rumusan	152

BIBLIOGRAFI	162
--------------------	-----

SENARAI KEPENDEKAN

A.S.	'Alayhi al-Salām
c.	cetakan
h.	halaman
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i> (latin), pada rujukan yang sama
j.	jilid
no.	Nombor
<i>Op.cit.</i>	<i>Opera citato</i> (latin), dalam rujukan yang telah disebutkan
R.A.	Raḍiyallāhu 'Anhu
R.Ha.	Raḍiyallāhu 'Anhā
S.W.T.	Subḥānahu wa Ta'ālā
类	Ṣallallāhu 'Alayhi wa Sallam
t.t.	Tanpa Tarikh
t.t.p.	Tanpa Tempat Penerbitan

PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut:¹




i. Huruf Konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	<i>alif</i>	a / '
ب	<i>bā'</i>	b
ت	<i>tā'</i>	t
ث	<i>thā'</i>	th
ج	<i>jīm</i>	j
ح	<i>hā'</i>	h
خ	<i>khā'</i>	kh
د	<i>dāl</i>	d
ذ	<i>dhāl</i>	dh
ر	<i>rā'</i>	r
ز	<i>zay</i>	z
س	<i>sīn</i>	s
ش	<i>syīn</i>	sy
ص	<i>ṣād</i>	ṣ
ض	<i>ḍād</i>	ḍ
ط	<i>ṭā'</i>	ṭ
ظ	<i>ẓā'</i>	ẓ
ع	<i>'ayn</i>	'
غ	<i>ghayn</i>	gh
ف	<i>fā'</i>	f

¹ Lihat Jawatan Kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992), *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka; *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (2001), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

ق	<i>qāf</i>	q
ك	<i>kāf</i>	k
ل	<i>lām</i>	l
م	<i>mīm</i>	m
ن	<i>nūn</i>	n
و	<i>waw</i>	w
ه	<i>hā'</i>	h
ي	<i>yā'</i>	y
ة	<i>tā' marbūṭah</i>	h

ii. Huruf Vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah) 	a
	(ḍammah) 	u
	(kasrah) 	i
Panjang	آ	ā
	أُو	ū
	أِي	ī
Diftong	أُو	aw
	أَي	ay
	يِي	iy/ī
	وُو	uww

**BAHAGIAN
PENDAHULUAN**

BAHAGIAN PENDAHULUAN

I. PENGENALAN

Persoalan tentang pembahagian *al-Sunnah* kepada *Tasyrī'iyah* dan *Ghayr Tasyrī'iyah* telah menjadi suatu polemik di kalangan umat Islam, khasnya para sarjana hukum. Ada di antara mereka yang bersetuju bahawa *al-Sunnah* itu boleh dibahagikan kepada *Tasyrī'iyah* dan *Ghayr Tasyrī'iyah* dan sebaliknya ada yang tidak bersetuju sama sekali bahawa *al-Sunnah* yang merupakan sumber kedua Syariah Islam boleh dibahagikan begitu.

Kajian ini ingin menjelaskan bahawa punca polemik sebenarnya adalah disebabkan oleh ketiadaan pembatasan skop yang dipertikaikan (*taḥdīd maḥal al-nizā'*) di kalangan mereka tentang apakah sebenarnya bentuk *al-Sunnah* yang tertakluk kepada kajian untuk dibahagikan kepada dua kategori di atas dan apakah pula bentuk yang perlu diterima pakai sebagai yang bersifat *Tasyrī'iyah* semata-mata. Polemik ini sepatutnya tidak berlaku sekiranya setiap kumpulan memahami maksud dan konsep sebenar pembahagian ini.

Oleh itu, mereka yang tidak bersetuju hendaklah memahami bahawa pembahagian ini tidak melibatkan semua *aḥkām al-Sunnah* dalam urusan dunia, walaupun terdapat sebuah hadis Nabi ﷺ :

أنتم أعلم بأمور دنياكم...

Terjemahan:

*Kamu lebih mengetahui tentang urusan kehidupan mu.*¹

¹ Al-Imām Muslim al-Qusyayrī (t.t.), Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Wujūb Imtithāl Mā Qālahu Syar'an Dūna Mā Dhakarahu ﷺ Min Ma'āyisy al-Dunyā, no. hadis: 2363.

Ini kerana *aḥkām al-Sunnah* yang berhubung dengan urusan dunia yang tertakluk kepada kajian untuk menentukan kategorinya sama ada ia *Tasyrī'iyah* atau sebaliknya hanya yang di luar daripada skop *al-muqaddarāt* sahaja.

Selain itu, mereka yang tidak bersetuju juga mesti memahami bahawa *Aḥkām al-Sunnah* yang berhubung dengan urusan dunia yang di luar dari skop *al-muqaddarāt* juga tidak tertakluk kepada kefahaman manusia secara mutlak, tetapi hendaklah berdasarkan kepada *al-Maṣlahah* yang telah ditetapkan oleh syariah dalam sesuatu urusan dalam kehidupan ini.

Sebaliknya, golongan yang setuju dengan pembahagian ini, hendaklah memahami bahawa tidak salah menganggap semua *aḥkām al-Sunnah* yang berhubung dengan urusan dunia adalah bersifat *Tasyrī'iyah* belaka. Ini kerana ada yang *Tasyrī'iyah* sebab ia diambil daripada sesuatu *naṣṣ al-Sunnah* secara khusus, dan ada pula yang *Tasyrī'iyah* kerana ia diambil daripada kombinasi *naṣṣ-naṣṣ al-Sunnah* yang berhubung dengan sesuatu persoalan secara kolektif, di mana *naṣṣ-naṣṣ* itu secara kolektifnya menjelaskan tentang *al-maṣlahah* yang hendak dicapai oleh syariah dalam sesuatu perkara.

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa polemik di atas sebenarnya adalah pada lafaz sahaja (*khilāf lafẓī*), tetapi bukan satu polemik yang sebenar (*khilāf ḥaqīqī*). Manakala *aḥkām al-Sunnah* dalam konteks urusan ibadat pula, persoalan pembahagian ini tidak begitu mendesak untuk dibincangkan dengan secara terperinci kerana ia tidak menimbulkan dilema kepada masyarakat Islam. Justeru bilangan *aḥkām al-Sunnah* dalam konteks ibadah yang perlu diteliti dari aspek ini tidak

Ini kerana *aḥkām al-Sunnah* yang berhubung dengan urusan dunia yang tertakluk kepada kajian untuk menentukan kategorinya sama ada ia *Tasyrī'īyyah* atau sebaliknya hanya yang di luar daripada skop *al-muqaddarāt* sahaja.

Selain itu, mereka yang tidak bersetuju juga mesti memahami bahawa *Aḥkām al-Sunnah* yang berhubung dengan urusan dunia yang di luar dari skop *al-muqaddarāt* juga tidak tertakluk kepada kefahaman manusia secara mutlak, tetapi hendaklah berdasarkan kepada *al-Maṣlahah* yang telah ditetapkan oleh syariah dalam sesuatu urusan dalam kehidupan ini.

Sebaliknya, golongan yang setuju dengan pembahagian ini, hendaklah memahami bahawa tidak salah menganggap semua *aḥkām al-Sunnah* yang berhubung dengan urusan dunia adalah bersifat *Tasyrī'īyyah* belaka. Ini kerana ada yang *Tasyrī'īyyah* sebab ia diambil daripada sesuatu *naṣṣ al-Sunnah* secara khusus, dan ada pula yang *Tasyrī'īyyah* kerana ia diambil daripada kombinasi *naṣṣ-naṣṣ al-Sunnah* yang berhubung dengan sesuatu persoalan secara kolektif, di mana *naṣṣ-naṣṣ* itu secara kolektifnya menjelaskan tentang *al-maṣlahah* yang hendak dicapai oleh syariah dalam sesuatu perkara.

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa polemik di atas sebenarnya adalah pada lafaz sahaja (*khilāf lafẓī*), tetapi bukan satu polemik yang sebenar (*khilāf ḥaqīqī*). Manakala *aḥkām al-Sunnah* dalam konteks urusan ibadat pula, persoalan pembahagian ini tidak begitu mendesak untuk dibincangkan dengan secara terperinci kerana ia tidak menimbulkan dilema kepada masyarakat Islam. Justeru bilangan *aḥkām al-Sunnah* dalam konteks ibadah yang perlu diteliti dari aspek ini tidak

banyak dan ia tidak menimbul kesulitan kepada seorang mukallaf, sekalipun ia diandaikan sebagai yang perlu dilaksanakan untuk selama-lamanya.

II. LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, pengkaji merumuskan beberapa persoalan yang perlu kepada penelitian. Adakah benar *al-Sunnah*, sebagai sumber kedua Syariah wajar dan harus dilihat sebagai yang bersifat agama (mandatori untuk selama-lamanya), dan ada yang tidak bersifat agama. Sekiranya wajar dan harus, apakah ukuran-ukuran secara ilmiah yang perlu dijadikan sebagai panduan bagi mengenal pasti sama ada sesuatu *al-Sunnah* itu dikira sebagai yang bersifat agama atau yang tidak bersifat agama.

Adakah *al-Sunnah* itu semuanya boleh dibahagikan kepada dua kategori tersebut atau hanya yang berbentuk hukum dan ketetapan sahaja yang boleh dibahagikan begitu. Sekiranya didapati hanya *al-Sunnah* yang berbentuk hukum dan ketetapan sahaja yang boleh dibahagikan, adakah semua *aḥkām al-Sunnah* boleh dibahagikan atau hanya *aḥkām al-Sunnah* dalam aspek urusan kehidupan di dunia ini iaitu *al-ʿādāt* sahaja? Sekiranya begitu, adakah semua *aḥkām al-Sunnah* dalam aspek urusan kehidupan di dunia ini atau *al-ʿādāt* boleh dibahagikan? Atau hanya yang di luar daripada skop *al-muqaddarāt*. Sekiranya di dapati hanya *aḥkām al-Sunnah* yang di luar daripada skop sahaja boleh dibahagikan, apakah metodologi yang boleh digunakan untuk proses pembahagian tersebut? Sekiranya didapati *al-Qiyās al-Ma'nawī* yang digunakan sebagai metodologi dalam proses pembahagian *aḥkām al-*

Sunnah yang di luar daripada skop *al-muqaddarāt*, apakah ciri-ciri *al-manāt* yang digunakan dalam setiap aspek kehidupan ini?

Justeru, polemik dan perbincangan mengenai pembahagian *al-Sunnah* di kalangan sarjana Islam perlu dihuraikan dengan sewajarnya ekoran kesannya terhadap kehidupan harian masyarakat yang terkeliru antara urusan *al-ibādāt* dan *'ādāt*.

III. OBJEKTIF KAJIAN

Berasaskan beberapa permasalahan kajian tersebut, pengkaji merumuskan beberapa objektif yang perlu untuk merungkaikan persoalan yang timbul. Di antaranya;

- a. Menghuraikan pengertian *al-Sunnah* menurut pandangan sarjana Islam sama ada dalam bidang *al-Fiqh*, *Uṣūl al-Fiqh* atau *al-Ḥadīth*.
- b. Menganalisis asas pembahagian *al-Sunnah* kepada *Tasyrī'iyah* dan *Ghayr al-Tasyrī'iyah*.
- c. Meneliti ciri-ciri dan asas kewajipan (*al-manāt*) bagi setiap kategori sama ada kategori *al-'ibādāt* atau *al-'ādāt*.

IV. KEPENTINGAN KAJIAN

Pengkaji melihat bahawa kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti sama ada sesuatu *al-Sunnah* itu bersifat Tasyri'iyah atau sebaliknya adalah penting. Ini kerana beberapa perkara;

- a. Ketidakpastian mengenai perkara di atas akan mengakibatkan berlakunya penambahan dalam agama dan tanpa disedari ia membawa akibat buruk yang serius kepada syariah Allah S.W.T. Oleh itu, sebarang penambahan atau pengurangan sesuatu dalam Syariah adalah dilarang keras sama sekali kerana kedua-duanya memberi kesan buruk dalam pengamalan agama.
- b. Mengambil ketetapan-ketetapan (*al-ahkām*) yang tidak bersifat agama sebagai yang bersifat agama akan mengakibatkan pembebanan ke atas umat Islam dengan ketetapan-ketetapan yang tidak wajib ke atas mereka untuk mematuhiya seterusnya membawa kesulitan dalam agama (*al-ḥaraj fī al-dīn*).
- c. Ketidakpastian mengenai perkara ini juga mengakibatkan kesilapan dalam cara merujuk kepada *al-Sunnah* sebagai sumber kedua syariah dan cara mengambil Nabi ﷺ sebagai model ikutan (*uswah*). Terdapat dua cara untuk mengambil Nabi ﷺ sebagai *uswah*, iaitu cara *al-taqlīd* dan cara *al-ittibā'*. Cara *al-taqlīd* iaitu melaksanakan apa yang disampaikan oleh Nabi ﷺ secara literal. Manakala *al-ittibā'* adalah menerima pakai pendekatan yang diamalkan oleh Nabi ﷺ dalam menangani persoalan-persoalan yang tidak dijelaskan oleh syariah secara langsung, iaitu dengan cara mempertimbangkan pendekatan yang difikir paling berkesan untuk mencapai matlamat dan tujuan yang ditetapkan oleh

syariah dalam sesuatu persoalan. Setiap cara hanya harus digunakan pada tempatnya yang betul sahaja.

Secara keseluruhannya, ia adalah untuk mengelakkan Syariah Islam terpinggir dan terpinggir daripada kegiatan-kegiatan kehidupan umat Islam. Sebaliknya membolehkan *al-Sunnah* meneruskan perannya sebagai satu sistem hidup yang dinamik dan lengkap yang sentiasa memberi panduan dan petunjuk yang relevan seterusnya dapat membantu mereka menangani segala persoalan hidup ini dan dapat merealisasikan segala cita-cita dan aspirasi mereka sama ada dalam urusan berbentuk *al-'ibādāt* atau *al-'ādāt*.

V. SKOP KAJIAN

Pengkaji membataskan kajian ini kepada beberapa persoalan. Di antaranya;

- a. Menjelaskan konsep *al-Sunnah* menurut pandangan sarjana Islam dalam disiplin *al-Fiqh*, *Uṣūl al-Fiqh* atau *al-Ḥadīth*.
- b. Membuat perbandingan di antara kategori *al-Sunnah al-Tasyrī'iyah* dan *al-Sunnah Ghayr al-Tasyrī'iyah*.
- c. Meneliti asas pembahagian dan asas penerimaan pembahagian *aḥkām al-Sunnah* serta ciri-ciri dan asas kewajipan (*al-manā'āt*) bagi setiap kategori sama ada *al-'ibādāt*, *al-'ādāt* dan seumpamanya.

Kedua ialah *al-Sunnah* yang merupakan hasil daripada pendapat atau ijtihad Nabi ﷺ yang dibuat bersandarkan kepada sesuatu objektif Syariah dalam sesuatu persoalan tertentu. Contohnya, larangan memakai sutera bagi orang lelaki. Walaupun begitu, dalam masa yang sama Baginda ﷺ mengharuskan 'Abd al-Rahmān b. 'Awf memakainya lantaran sesuatu penyakit yang dialaminya. Menurut Ibn Qutaybah, contoh-contoh seperti ini menunjukkan bahawa ketetapan tersebut termasuk dalam kategori yang diharuskan kepada Baginda ﷺ membuat keputusan sendiri sama ada melarang sesuatu atau mengharuskannya semula selepas larangan tersebut. Sekiranya dalam hal-hal seperti ini Baginda ﷺ tidak diharuskan berbuat demikian, maka sudah tentu Baginda ﷺ mengambil langkah tidak melakukannya, seperti kes seorang perempuan yang datang mengadu hal kepada Baginda ﷺ tentang suaminya yang bersumpah *al-Zihār* ke atasnya.

Ketiga, ialah *al-Sunnah* yang disampaikan oleh Nabi ﷺ sebagai amalan mulia sahaja (*ta'diban*) yang mana mempunyai kelebihan apabila melakukannya dan jika ditinggalkannya tidak menjadi kesalahan seperti berserban dan berjanggut.²

Pembahagian di atas walaupun ringkas, namun ianya jelas memberi gambaran tentang bentuk pembahagian *al-Sunnah* seperti mana yang diterimapakai dalam kajian ini. Sebagaimana menurut Ibn Qutaybah, *al-Sunnah* ada yang perlu diterima pakai secara *literal* iaitu yang merupakan ketetapan yang kekal untuk selama-lamanya kerana ianya wahyu daripada Allah S.W.T. dan ada juga *al-Sunnah* yang merupakan hukum atau ketetapan yang dibuat oleh Nabi ﷺ hasil daripada ijtihad Baginda ﷺ mengenai sesuatu persoalan yang timbul pada zamannya. Ijtihad

² Abū Muḥammad 'Abd Allāh b. Muslim ibn Qutaybah al-Daynūrī (1980), *Ta'wīl Mukhtalaf al-Hadīth*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 183-185.

yang dilakukan bersandarkan kepada kepentingan dan kebaikan semasa (*Maslahah Juz'iyah*). Di samping itu ada juga *al-Sunnah* yang tidak berbentuk hukum atau ketetapan sama sekali, sebaliknya ia disampaikan oleh Baginda ﷺ hanya sebagai amalan yang mulia sahaja.

Walau bagaimanapun, pembahagian di atas tidak memberi ukuran yang jelas untuk membezakan di antara *al-Sunnah* di bawah kategori pertama iaitu *al-Sunnah* walaupun ia berhubung dengan urusan keduniaan, namun ianya tetap perlu diterimapakai secara literal (*al-iltizām al-ḥarfi*) untuk selama-lamanya, kerana ianya wahyu daripada Allah S.W.T. dan *al-Sunnah* di bawah kategori kedua iaitu yang telah diijtihad oleh Nabi ﷺ bersandarkan kepada matlamat Syariah dalam sesuatu urusan hidup. Inilah persoalan yang pengkaji cuba memberi jawapan.

Manakala al-Qurāfi pula membahagikan *al-Sunnah* berdasarkan kepada sifat Nabi ﷺ semasa menyampaikannya, sama ada sebagai utusan Allah S.W.T. dan penyampai hukum-hakamnya (*bi al-tablīgh wa al-fatwā*) atau sebagai pihak yang membuat keputusan kehakiman (*bi al-qaḍā'*) ataupun sebagai pemerintah (*bi al-imāmah*).

Menurut beliau, mana-mana ketetapan yang sudah pasti melalui *ijmā'* ia disampaikan oleh Nabi ﷺ berdasarkan kepada sifatnya sebagai utusan Allah dan penyampai hukum-hakamnya, maka ia merupakan ketetapan yang bersifat kekal untuk dilaksanakan selama-lamanya oleh seluruh manusia dan jin sehingga hari akhirat. Sekiranya disampaikan oleh Baginda ﷺ di atas sifatnya sebagai pemerintah, maka ia tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan kebenaran pemerintah. Begitu juga

yang dilakukan bersandarkan kepada kepentingan dan kebaikan semasa (*Maslahah Juz'iyah*). Di samping itu ada juga *al-Sunnah* yang tidak berbentuk hukum atau ketetapan sama sekali, sebaliknya ia disampaikan oleh Baginda ﷺ hanya sebagai amalan yang mulia sahaja.

Walau bagaimanapun, pembahagian di atas tidak memberi ukuran yang jelas untuk membezakan di antara *al-Sunnah* di bawah kategori pertama iaitu *al-Sunnah* walaupun ia berhubung dengan urusan keduniaan, namun ianya tetap perlu diterimapakai secara literal (*al-iltizām al-harfi*) untuk selama-lamanya, kerana ianya wahyu daripada Allah S.W.T. dan *al-Sunnah* di bawah kategori kedua iaitu yang telah diijtihad oleh Nabi ﷺ bersandarkan kepada matlamat Syariah dalam sesuatu urusan hidup. Inilah persoalan yang pengkaji cuba memberi jawapan.

Manakala al-Qurāfi pula membahagikan *al-Sunnah* berdasarkan kepada sifat Nabi ﷺ semasa menyampaikannya, sama ada sebagai utusan Allah S.W.T. dan penyampai hukum-hakamnya (*bi al-tablīgh wa al-fatwā*) atau sebagai pihak yang membuat keputusan kehakiman (*bi al-qaḍā'*) ataupun sebagai pemerintah (*bi al-imāmah*).

Menurut beliau, mana-mana ketetapan yang sudah pasti melalui *ijmā'* ia disampaikan oleh Nabi ﷺ berdasarkan kepada sifatnya sebagai utusan Allah dan penyampai hukum-hakamnya, maka ia merupakan ketetapan yang bersifat kekal untuk dilaksanakan selama-lamanya oleh seluruh manusia dan jin sehingga hari akhirat. Sekiranya disampaikan oleh Baginda ﷺ di atas sifatnya sebagai pemerintah, maka ia tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan kebenaran pemerintah. Begitu juga

halnya dengan ketetapan yang disampaikan oleh Nabi ﷺ di atas sifatnya sebagai pihak yang membuat keputusan kehakiman, maka tidak harus bagi sesiapa pun melaksanakannya kecuali dengan kebenaran mahkamah.

Menurut al-Qurāfi dan Ibn al-Qayyim, di samping ketetapan-ketetapan yang sudah jelas ianya disampaikan oleh Nabi ﷺ sebagai pemerintah atau sebagai pihak yang membuat keputusan kehakiman, terdapat juga ketetapan-ketetapan yang tidak jelas kedudukannya. Maka dalam kes-kes seperti itu terdapat perselisihan pendapat di kalangan sarjana hukum Islām tentang kedudukannya sama ada ianya ketetapan kekal untuk dilaksanakan selama-lamanya sampai hari Kiamat, atau sebagai ketetapan yang diijtihad oleh Baginda ﷺ untuk sesuatu kebaikan dan kepentingan ummah pada masa, tempat dan keadaan tersebut. Contohnya ketetapan yang dibuat oleh Nabi ﷺ bahawa barang siapa dapat membunuh seorang anggota tentera musuh dengan syarat ada saksi, maka segala barangan yang ada bersamanya menjadi hak miliknya.³

Bagi pengkaji, asas yang digunakan oleh al-Qurāfi dan Ibn al-Qayyim dalam pembahagian *al-Sunnah* tidak begitu jelas. Ini kerana sifat Baginda ﷺ semasa menyampaikan sesuatu ketetapan tidak boleh dilihat sebagai penentu kepada kategori sesuatu ketetapan itu sama ada ianya bersifat kekal atau yang bersandarkan kepada kepentingan semasa. Sifat Baginda ﷺ semasa menyampaikannya lebih memberi kesan dan impak kepada cara pelaksanaannya. Misalnya apabila ketetapan itu disampaikan sebagai orang yang menyampaikan hukum-hakam Allah S.W.T. (*bi al-*

³ Ahmad b. Idrīs al-Qurāfi (t.t.), *Al-Qurāfi*, Beirut : Dār al-Ma'rifah, j. 1, h. 205-209; Syaḡ al-Dīn Muḡammad b. Abī Bakr (1970), *Zād al-Ma'ād fi Hadyi Khayr al-'Ibād*, Kaherah : Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabī, j. 2, h. 216-217.

tabligh wa al-fatwā), maka ketetapan tersebut pada umumnya terpolang kepada seseorang individu untuk melaksanakannya atau tidak. Di sana tidak ada penguatkuasaan undang-undang daripada pihak berkuasa yang memastikan pelaksanaannya. Berbeza dengan ketetapan yang disampaikan sebagai pemerintah (*bi wasf al-imāmah*). Ia dilaksanakan dengan menggunakan kuasa pemerintah, di mana terdapat hukuman di dunia yang diperuntukkan ke atas orang yang gagal melaksanakannya. Manakala ketetapan yang disampaikan oleh Baginda ﷺ sebagai pihak yang membuat keputusan kehakiman (*bi al-qadā'*) juga perlu dilaksanakan dengan menggunakan kuasa pemerintah. Namun perbezaannya daripada yang sebelumnya, ketetapan ini lahir adalah disebabkan berlakunya pertikaian daripada dua pihak atau lebih tentang sesuatu yang dipertikaikan oleh mereka.

Selain itu, al-Dahlawī pula mengasaskan pembagiannya hanya kepada kedudukan *al-Sunnah*, sama ada yang dimaksudkan untuk menyampaikan perintah dan ajaran agama (*sabīl tablīgh al-risālah*) atau yang tidak dimaksudkan untuk tujuan tersebut (*mā laysa min bāb tablīgh al-risālah*). Ini menunjukkan bahawa pembahagian beliau sangat umum dan luas kerana di bawah kategori "untuk menyampaikan ajaran Allah S.W.T." sahaja, beliau memasukkan semua perkara-perkara yang bersifat perintah dan ajaran agama (*aḥkām al-Dīn*), sama ada yang berkaitan dengan aqidah seperti perkara-perkara yang berkaitan dengan hari akhirat dan tanda-tanda keagungan Allah S.W.T., yang sememangnya bersandarkan kepada wahyu atau juga Syariah seperti peraturan-peraturan menunaikan ibadah dan melaksanakan urusan *mu'āmalah*. Menurut beliau, ada *al-Sunnah* yang bersandarkan wahyu dan ada juga yang diijtihadkan oleh Nabi ﷺ bersandarkan matlamat dan objektif Syariah serta kaedah-kaedah mempermudah (*qawā'id al-taysīr*) yang

diterima daripada wahyu. Ijtihad Baginda ﷺ dalam urusan agama adalah setaraf dengan wahyu. Begitu juga yang berkaitan dengan budi pekerti yang mulia yang mana menurut beliau, kebanyakannya berasaskan kepada ijtihad Nabi ﷺ.

Manakala *al-Sunnah* yang tidak dimaksudkan untuk menyampaikan ajaran dan perintah agama (*mā laysa min bāb tabliḡh al-risālah*), ialah perkara-perkara yang disampaikan oleh Nabi ﷺ yang berasaskan kepada pengalaman Baginda ﷺ seperti hal-hal yang berkaitan dengan perubatan dan rawatan. Apa sahaja yang dilakukan oleh Baginda ﷺ untuk memenuhi keperluan hidup sebagai seorang insan yang dikira di luar daripada ruang lingkup amalan ibadat (*'alā sabīl al-'ādah dūn al-'ibādah*) dan juga yang dilakukan oleh Baginda ﷺ secara kebetulan. Di samping itu juga, *al-Sunnah* di bawah kategori ini ialah ketetapan yang dibuat oleh Baginda ﷺ untuk tujuan dan matlamat sementara yang mana ia bukan merupakan ketetapan mandatori (*mulzim*) ke atas seluruh umat Islam sampai hari Kiamat dan juga keputusan penghakiman yang dibuat oleh Baginda ﷺ berhubung dengan sesuatu kes yang khusus.⁴

Bagi pengkaji, sebahagian besar daripada perkara-perkara yang dianggap oleh al-Dahlawī sebagai *al-Sunnah* yang di luar daripada skop ajaran dan perintah agama sebenarnya adalah sebaliknya, sekalipun ketetapan-ketetapan yang telah diijtihad oleh Baginda ﷺ berdasarkan kepada kepentingan dan kebaikan sementara dan juga keputusan penghakiman yang dibuat oleh Baginda ﷺ yang berkaitan dengan kes yang khusus. Ketetapan dan keputusan seumpama ini walaupun tidak bersifat kekal untuk

⁴ Syāh Walī Allāh Aḥmad b. 'Abd al-Raḥīm al-Dahlawī (1355), *Hujjatullāh al-Bāliḡah*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, j. 1, h. 294-295.

diterima daripada wahyu. Ijtihad Baginda ﷺ dalam urusan agama adalah setaraf dengan wahyu. Begitu juga yang berkaitan dengan budi pekerti yang mulia yang mana menurut beliau, kebanyakannya berasaskan kepada ijtihad Nabi ﷺ.

Manakala *al-Sunnah* yang tidak dimaksudkan untuk menyampaikan ajaran dan perintah agama (*mā laysa min bāb tablīgh al-risālah*), ialah perkara-perkara yang disampaikan oleh Nabi ﷺ yang berasaskan kepada pengalaman Baginda ﷺ seperti hal-hal yang berkaitan dengan perubatan dan rawatan. Apa sahaja yang dilakukan oleh Baginda ﷺ untuk memenuhi keperluan hidup sebagai seorang insan yang dikira di luar daripada ruang lingkup amalan ibadat (*'alā sabīl al-'ādah dūn al-'ibādah*) dan juga yang dilakukan oleh Baginda ﷺ secara kebetulan. Di samping itu juga, *al-Sunnah* di bawah kategori ini ialah ketetapan yang dibuat oleh Baginda ﷺ untuk tujuan dan matlamat sementara yang mana ia bukan merupakan ketetapan mandatori (*mulzim*) ke atas seluruh umat Islam sampai hari Kiamat dan juga keputusan penghakiman yang dibuat oleh Baginda ﷺ berhubung dengan sesuatu kes yang khusus.⁴

Bagi pengkaji, sebahagian besar daripada perkara-perkara yang dianggap oleh al-Dahlawī sebagai *al-Sunnah* yang di luar daripada skop ajaran dan perintah agama sebenarnya adalah sebaliknya, sekalipun ketetapan-ketetapan yang telah diijtihad oleh Baginda ﷺ berdasarkan kepada kepentingan dan kebaikan sementara dan juga keputusan penghakiman yang dibuat oleh Baginda ﷺ yang berkaitan dengan kes yang khusus. Ketetapan dan keputusan seumpama ini walaupun tidak bersifat kekal untuk

⁴ Syāh Walī Allāh Aḥmad b. 'Abd al-Raḥīm al-Dahlawī (1355), *Ḥujjatullāh al-Bālighah*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, j. 1, h. 294-295.

dilaksanakan oleh seluruh umat Islam sampai hari Kiamat, namun ia tetap sebahagian daripada perintah agama kerana objektif dan matlamat yang menjadi panduan ijtihad Nabi ﷺ adalah yang diterima oleh Baginda ﷺ bersumberkan wahyu. Oleh kerana matlamat tersebut tidak boleh dicapai apabila berada di dalam keadaan yang berlainan, maka cara yang diperlukan untuk mencapai matlamat tersebut perlu juga berubah.

Selain itu, keputusan penghakiman yang dibuat oleh Baginda ﷺ yang berkaitan dengan kes yang khusus, bukan semuanya boleh dikategorikan sebagai ketetapan khusus yang bersifat sementara seperti yang disebut oleh al-Dahlawī. Ini kerana ada juga kemungkinan bahawa keputusan itu adalah yang bersifat kekal untuk dilaksanakan selama-lamanya sampai hari kiamat.

Rasyīd Riḍā pula menggunakan istilah *al-Tasyrī'* dan *laysa min al-Tasyrī'* dalam pembahagiannya tentang *al-Sunnah*. Beliau menghuraikan perkara ini dalam mentafsirkan firman Allah S.W.T.:

...واتبعوه لعلكم تهتدون

Terjemahan :

Dan hendaklah kamu menjadikannya (yakni Nabi ﷺ) sebagai ikutan, supaya kamu mendapat petunjuk.

Al-Qur'ān, al-A'rāf (8) : 158

Menurut beliau, perintah Allah S.W.T. di atas merangkumi juga ketetapan-ketetapan yang merupakan hasil ijtihad Baginda ﷺ sekiranya ketetapan tersebut

termasuk dalam skop *al-Tasyrī'*. Contohnya seperti larangan supaya tidak mengahwini seseorang wanita bersama dengan ibu saudaranya.

Rasyīd Riḍā menjelaskan perkara-perkara yang tergolong di dalam skop *al-Tasyrī'* yang mana ijtihad Nabi ﷺ wajib diterimapakai adalah seperti amalan-amalan ibadat sama ada yang wajib mahupun sunat. Larangan-larangan Baginda ﷺ terhadap perkara-perkara yang boleh menjejaskan agama, minda, tubuh badan, maruah, harta benda dan juga ketetapan-ketetapan yang dibuat oleh Nabi ﷺ sebagai menunaikan tanggung jawab terhadap hak manusia seperti cara pembahagian harta pusaka, cara bergaul dengan isteri dengan betul atau ketetapan-ketetapan yang mengatur urusan kewangan, muamalah dan sebagainya.

Pada masa yang sama beliau juga menjelaskan perkara-perkara yang tergolong di dalam skop "*laysa min al-Tasyrī'*" yang mana ijtihad Nabi ﷺ tidak wajib diterima pakai secara literal. Di antaranya seperti perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan hak Allah S.W.T. atau hak manusia ataupun perkara-perkara yang tidak menjejaskan mana-mana lima *maṣlahah* seperti urusan biasa dalam kehidupan ini (*al-'ādāt*) dan juga perkara-perkara yang diketahui melalui pengalaman serta penyelidikan, seperti aspek pembuatan, pertanian, keilmuan, kesenian, dan sebagainya.⁵

Pengkaji berpendapat bahawa Rasyīd Riḍā tidak memberi perincian secukupnya untuk membolehkan kita membezakan dengan jelas di antara ketetapan-ketetapan di dalam skop *al-Tasyrī'* dan yang sebaliknya, terutama dalam hal-hal

⁵ Muḥammad Rasyīd Riḍā (L.T.), *Tafsīr al-Manār*, c. 2, Beirut : Dār al-Ma'rīfah, j. 9, h. 303-304.

yang selain daripada aspek ibadah dan juga yang telah dipastikan sebagai yang di luar daripada skop *al-muqaddarāt*. Ini kerana dalam dua aspek berkenaan sudah jelas kedudukannya sebagai tujuan *al-Tasyrī'*. Namun yang menjadi persoalannya ialah tentang yang selain daripada dua aspek tersebut, yang mana kita memerlukan kaedah yang jelas untuk membezakan di antara yang bertujuan untuk *al-Tasyrī'* dan yang sebaliknya. Selain itu, menurut beliau lagi ketetapan-ketetapan yang bertujuan untuk memelihara lima *maṣlahah* adalah untuk tujuan *al-Tasyrī'*, sedangkan terdapat banyak ketetapan-ketetapan yang sememangnya untuk tujuan memelihara lima *maṣlahah*, tetapi ianya tetap dikategorikan sebagai pendekatan semasa yang diambil oleh Nabi ﷺ untuk memelihara salah satu daripada lima *Maṣlahah* tersebut,⁶ malahan matlamat semua ketetapan Syariah secara keseluruhannya adalah memelihara lima *maṣlahah* berkenaan sama ada yang *Tasyrī'i* atau yang sebaliknya. Persoalan-persoalan seperti inilah yang akan dijawab dalam kajian ini.

Begitu juga sekiranya dilihat kepada pembahagian yang dibuat oleh Maḥmūd Syaltūt yang menggunakan istilah yang sama dengan apa yang digunakan Rasyīd Riḍā iaitu istilah *Tasyrī'* dan *Ghayr Tasyrī'* tetapi beliau memperincikan setiap kategori kepada beberapa bahagian. Misalnya di bawah kategori *Ghayr al-Tasyrī'* ada tiga bahagian:

- i. Yang dilakukan oleh Nabi ﷺ untuk memenuhi keperluan semula jadi sebagai seorang manusia seperti makan, minum, tidur, berjalan, ziarah menziarahi, mendamaikan di antara dua orang yang bermusuhan, tawar menawar dalam menjual beli dan sebagainya.

⁶ Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (1990), *Ḍawābiṭ al-Maṣlahah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, c. 5, Beirut : Mu'assasah al-Risālah, h. 159.

- ii. Yang dilakukan oleh Nabi ﷺ berdasarkan kepada pengalaman dan kebiasaan peribadi dan masyarakat seperti dalam soal pertanian dan perubatan.
- iii. Yang dilakukan berdasarkan kepada perkiraan dan perhitungan sebagai seorang manusia berdasarkan kepada keadaan dan situasi tertentu seperti merancang strategi ketenteraan, memilih lokasi dalam sesuatu peperangan, dan sebagainya, yang banyak bersandarkan kepada tuntutan-tuntutan keadaan semasa, dan latihan-latihan tertentu. Maka tindakan-tindakan seumpama ini daripada Nabi ﷺ tidak wajib diterimapakai oleh seluruh umat Islam sebagai ketetapan untuk selama-lamanya sampai hari Kiamat.

Manakala di bawah kategori *al-Tasyrī'* pula, beliau membahagikan kepada bahagian berikut;

- i. Yang lahir daripada Baginda ﷺ sebagai seorang utusan Allah S.W.T. yang menyampaikan perintah dan ajarannya, seperti penjelasannya tentang sesuatu perkara di dalam al-Qur'ān atau mengkhususkan sesuatu yang disebut secara umum dalam al-Qur'ān dan sebagainya, atau menjelaskan sesuatu perkara yang berhubungan dengan ibadah, atau berhubung dengan halal dan haram, atau berkaitan dengan persoalan akidah dan akhlak. Menurut beliau bahagian ini adalah ajaran dan ketetapan untuk selama-lamanya sehingga hari Kiamat.
- ii. Yang lahir daripada Nabi ﷺ di atas sifatnya sebagai ketua dan pemerintah tertinggi umat Islam. Contohnya seperti perintah dan arahan Baginda ﷺ kepada bala tenteranya supaya melakukan serangan pada masa tertentu, arahan memungut hasil daripada sumber tertentu untuk diagihkan kepada pihak-pihak

tertentu, pelantikan orang yang mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai hakim dan gabenor, cara pembahagian harta rampasan perang, butir-butir yang terdapat di dalam perjanjian yang diadakan oleh Nabi ﷺ dengan negara luar dan sebagainya. Ini adalah merupakan peranan pemerintah untuk bertindak berdasarkan kebaikan dan kepentingan umum (*Maṣlahah Āmmah*). Menurut beliau, ketetapan-ketetapan seumpama ini walaupun ia merupakan ketetapan yang wajib dilaksanakan dan diamalkan (*Tasyrī'an*), tetapi ianya bukan untuk selama-lamanya. Ianya boleh dilaksanakan hanya apabila pemerintah semasa itu mendapati ia sesuai diamalkan.

- iii. Yang lahir daripada Nabi ﷺ di atas sifatnya sebagai pihak yang membuat keputusan kehakiman (*bi wasf al-qadā'*). Keputusan yang dibuat oleh Baginda ﷺ bukan ketetapan untuk diamalkan selama-lamanya (*laysa Tasyrī'an 'Āmman*). Tidak harus bagi mereka yang menghadapi bentuk pertikaian yang sama dengan kes yang diputuskan oleh Nabi ﷺ untuk terus melaksanakan ketetapan tersebut kecuali hakim yang mengendalikan kes itu mendapati keputusan yang dibuat oleh Nabi ﷺ sesuai diaplikasi dalam kes tersebut.⁷

Ini menunjukkan bahawa *al-Sunnah* itu ada tiga kategori, iaitu pertama; yang tidak untuk *Tasyrī'* sama sekali, kedua; yang *Tasyrī'* hanya apabila sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa dan ketiga; yang *Tasyrī'* untuk selama-lamanya sehingga hari Kiamat.

⁷ Maḥmūd Syaltūt (1966), *Al-Islām : 'Aqīdah wa Syarī'ah*, c. 3, Beirut : Dār al-Qalam, h. 508-510.

Ibn 'Āsyūr memberikan pandangan yang hampir sama dengan al-Qurāfi dan juga Maḥmūd Syaltūt. Namun, di bawah kategori *Ghayr al-Tasyrī'*, Ibn 'Āsyūr memperincikan kepada pelbagai bahagian. Termasuklah yang dikira oleh Syaltūt sebagai sebahagian daripada *al-Sunnah al-Tasyrī'iyah*, iaitu yang disampaikan oleh Nabi ﷺ sebagai pemerintah (*bi al-imāmah*) dan juga yang disampaikan oleh Nabi ﷺ di atas sifatnya sebagai pihak yang membuat keputusan kehakiman (*bi al-qaḍā'*).

Pada hakikatnya, perselisihan di antara dua sarjana di atas hanya perselisihan pada istilah sahaja. Apa yang dimaksudkan oleh Syaltūt dengan istilah *al-Tasyrī'iyah* dalam konteks dua bentuk kapasiti Nabi ﷺ di atas adalah *al-Sunnah* yang berbentuk peraturan dan ketetapan, tetapi tidak semestinya berbentuk *mulzim dā'im*. Manakala yang dimaksudkan oleh Ibn 'Āsyūr berhubung dengan *Ghayr al-Tasyrī'iyah* adalah *al-Sunnah* yang tidak berbentuk *mulzim dā'im*.

Selain dua bahagian yang di luar daripada skop *al-Tasyrī'* tersebut, beliau menyebut banyak lagi bahagian *al-Sunnah* yang mempunyai kedudukan yang sama, iaitu sebagai yang di luar daripada skop *al-Tasyrī'*. Bahagian-bahagian ini adalah seperti berikut:

- i. *Al-Sunnah* dalam bentuk petunjuk daripada Nabi ﷺ ke arah cara yang mulia dalam pergaulan dan berurusan dengan orang lain (*hāl al-hady wa al-irsyād*),⁸ misalnya sabda Nabi ﷺ yang bermaksud:

⁸ Muḥammad al-Jāhir b.'Āsyūr (2001), *Al-Sunnah al-Tasyrī'iyah wa Ghayr al-Tasyrī'iyah*, Kaherah : Dār Nahḍah Miṣr, h. 21.

"Hamba-hamba sahaya kamu adalah saudara-saudara kamu yang telah diletakkan oleh Allah S.W.T. di bawah jagaan kamu. Oleh itu barang siapa yang mempunyai saudaranya di bawah jagaannya, maka hendaklah ia memberi makan makanan-makanan yang ia sendiri makan, dan memberi pakaian yang ia sendiri pakai dan tidak membebarkannya dengan kerja yang ia tidak mampu melakukannya kecuali dengan memberi bantuan kepadanya."⁹

Bagi pengkaji, hadis di atas sekalipun ia bukan merupakan satu perundangan yang mandatori, namun ianya mengandungi nilai akhlak yang mulia, yang perlu diamalkan oleh seseorang terutamanya, apabila ia berurusan dengan orang bawahannya, iaitu sifat bertimbang rasa, rasa simpati terhadap orang yang lemah.

- ii. *Al-Sunnah* dalam bentuk cadangan daripada Baginda ﷺ untuk menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku pada masa itu (*ḥāl al-muṣālahah bayn al-nās*). Misalnya, apabila berlaku pertelingkahan di antara Ka'ab b. Mālik dan 'Abd Allāh b. Abī Ḥudūd tentang wang yang dituntut oleh Ka'ab dari 'Abd Allāh, sehingga kedua-dua mereka meninggikan suara di dalam masjid. Keadaan ini menyebabkan Nabi ﷺ keluar daripada biliknya dan Baginda memberi isyarat dengan tangan kepada Ka'ab supaya beliau menerima separuh sahaja daripadauntutannya. Ka'ab pun menerima sahaja apa yang dicadangkan oleh Nabi ﷺ itu.

⁹ Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Ismā'il b. Ibrāhīm al-Ja'fī (1978), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kaherah : Maktabah al-Qāhīrah, j. 1, h. 20, Kitāb Bad' al-Wahy, Bāb al-Ma'āṣī min Amr al-Jāhiliyyah wa Lā Yakfur Ṣāḥibuhā, no. hadis : 30.

- iii. *Al-Sunnah* dalam bentuk pandangan yang diberikan oleh Nabi ﷺ untuk menyelesaikan sesuatu persoalan (*ḥāl al-isyārah 'alā al-mustasyīr*). Misalnya apabila Baginda ﷺ sering didatangi golongan penjual yang bertikai mengenai hasil tanaman yang telah dijual beli sebelum ianya dapat dipastikan keadaannya dan pihak pembeli mendapati ianya mengandungi kerosakan. Baginda bersabda kepada mereka itu yang bermaksud:

Sekiranya kamu tidak berbuat demikian maka hendaklah kamu mengelakkan jual beli hasil tanaman itu sehinggalah ianya benar-benar dipastikan keadaannya baik.¹⁰

- iv. *Al-Sunnah* dalam bentuk nasihat yang diberikan oleh Baginda ﷺ kepada orang yang memintanya dalam persoalan yang khusus (*ḥāl al-naṣīḥah*). Misalnya apabila Fāṭimah binti Qays didatangi oleh dua orang lelaki, iaitu Mu'āwiyah b. Abī Sufyān dan Abū Jahm untuk meminangnya, lalu beliau pergi meminta nasihat Baginda ﷺ. Nabi ﷺ bersabda yang bermaksud:

Adapun Abū Jahm adalah seorang yang panas baran, manakala Mu'āwiyah adalah seorang yang miskin.

- v. *Al-Sunnah* dalam bentuk perintah Nabi ﷺ yang sebenarnya adalah untuk tujuan latihan khusus kepada para sahabat Baginda ﷺ. Latihan ini sesuai untuk mereka sebagai golongan yang bakal memikul tanggung jawab menyebarkan risalah Islam selepas Baginda ﷺ. Mereka memerlukan cara hidup tertentu dengan menjauhi kemewahan dan sebagainya. Mereka juga mempunyai tahap yang tinggi dalam sifat-sifat terpuji seperti rasa simpati, timbang rasa, kasihan belas

¹⁰ Abū al-Faḍl Aḥmad b. 'Alī b. Muḥammad ibn Ḥajr al-'Asqalānī (1978), *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kaḥerah : Maktabah al-Qāhirah, j. 9, h. 260, Kitāb al-Buyū', Bāb Bay' al-Thimār Qabl an Yard Ṣalāḥuhā, no. ḥadis : 2192.

terhadap orang lain dan sebagainya. Misalnya Nabi ﷺ bersabda yang bermaksud:

Janganlah ada di antara kamu yang menghalang jiran tetangganya memasukkan sebatang kayu ke dalam pagar (rumah atau kebunnya).¹¹

Menurut al-Imām Mālik seperti mana yang dinukilkan oleh Ibn 'Āsyūr bahawa perintah di atas tidak boleh diterima pakai sebagai ketetapan yang bersifat ketetapan atau perundangan umum kerana ia tidak selari dengan prinsip umum Syariah, iaitu kebebasan tuan punya harta untuk bertindak ke atas hartanya dan tidak ada hak bagi orang lain bertindak ke atas hartanya tanpa persetujuannya.¹²

vi. *Al-Sunnah* dalam bentuk amaran dan teguran yang keras daripada Nabi ﷺ (*hāl al-ta'dīb*). Misalnya, sabda Nabi ﷺ yang bermaksud:

Demi Allah S.W.T. yang mana jiwaku di tangannya, sesungguhnya aku hampir memerintahkan supaya kayu api dikumpulkan, kemudian memerintahkan seseorang mengumandangkan azan (untuk menandakan waktu sembahyang), dan kemudian aku akan memeriksa orang-orang (yang tidak pergi sembahyang berjemaah) untuk aku bakarkan rumah mereka...

vii. *Al-Sunnah* yang tidak mempunyai apa-apa maksud yang berkaitan dengan tujuan-tujuan pengajaran (*hāl al-tajarrud 'an al-irsyād*), iaitu tiada kaitan dengan mana-mana tujuan di atas, tetapi ia dilakukan oleh Baginda ﷺ di atas

¹¹ *Ibid.*, j. 10, h. 193, Kitāb al-Mazālim, Bāb Lā Yamna' Jārun Jārahu 'an Yughriza Khasyabataa fī Jidārihi, no. hadis : 2493.

¹² Ibn 'Āsyūr (2001), *Op.cit.*, h. 27.

kehendak dan kecenderungan semula jadinya sebagai seorang insan (*al-af'āl al-jibilliyah*). Menurut Ibn 'Āsyūr, tindakan-tindakan Nabi ﷺ dalam bentuk ini tidak sukar untuk mengenalinya kerana dalam kehidupan Baginda ﷺ sama ada di dalam rumah atau di luar rumah banyak melibatkan perkara yang bukan bertujuan untuk dijadikan sebagai satu ketetapan (*Tasyrī'*) atau sebagai ikutan. Dalam bidang *Uṣūl al-Fiqh* bahawa tindakan-tindakan begini tidak diwajibkan ke atas umatnya untuk diikuti tetapi hendaklah melakukannya selaras dengan keadaan masing-masing. Contohnya seperti cara makan, pakai, tidur, berjalan, berkenderaan dan sebagainya. Perbuatan-perbuatan itu sama ada dalam skop amalan agama, seperti menunggang unta semasa menunaikan haji, menurunkan tangan sebelum lutut semasa sujud (setelah umur Baginda ﷺ makin tua dan berat badannya makin meningkat) dan sebagainya. Manakala di luar skop amalan agama seperti cara menyusun strategi yang dilakukan oleh Baginda dalam sesuatu peperangan, pendapatnya dalam urusan pertanian dan sebagainya.¹³

Menurut beliau, seseorang sarjana hendaklah meneliti dengan cermat dengan melihat satu persatu keadaan dan situasi di mana sesuatu pernyataan itu dibuat atau sesuatu tindakan itu diambil oleh Nabi ﷺ untuk membolehkannya membuat kesimpulan. Bagaimanakah keadaan sesuatu *al-Sunnah* itu sebenarnya untuk tujuan *al-Tasyrī'* dan bagaimanakah pula keadaan-keadaan sebaliknya.¹⁴

¹³ *Ibid.*, h. 29.

¹⁴ *Ibid.*, h. 31.

Menurut beliau lagi, di antara tanda-tanda *al-Sunnah* itu untuk tujuan *al-Tasyrī'* adalah apabila Nabi ﷺ menunjukkan kesungguhan Baginda menyampaikan dan melaksanakannya selain ianya datang dalam bentuk ketetapan umum.¹⁵

Misalnya sabda Nabi ﷺ yang bermaksud :

Tidak sah melakukan wasiat untuk pewaris

Bagi pengkaji, tanda-tanda yang disebut oleh Ibn 'Āsyūr tersebut tidak cukup untuk digunapakai sebagai panduan bagi seorang Mujtahid untuk membolehkannya melihat perbezaan tersebut. Ini kerana di sana ada kemungkinan walaupun sesuatu pernyataan itu tidak nampak kesungguhannya daripada Baginda ﷺ sama ada semasa menyampaikannya atau dalam melaksanakannya tetapi ia tetap ada kemungkinan untuk tujuan *al-Tasyrī'*. Justeru, apa yang disebutnya itu hanya di antara tanda-tanda sahaja.

Walau bagaimanapun, menurut beliau, pada asalnya apa sahaja yang datang daripada Nabi ﷺ sama ada dalam bentuk perbuatan atau pernyataan apabila ia berkaitan dengan urusan umat, maka ia hendaklah diterima sebagai yang bertujuan untuk *al-Tasyrī'* kecuali terdapat tanda yang sangat jelas (*qarīnah*)¹⁶ menunjukkan yang sebaliknya.

Inilah di antara penulisan yang menghuraikan pembahagian *al-Sunnah* dalam konteks ini. Pada pendapat pengkaji, ianya dapat memberi gambaran tentang asas-asas yang diguna pakai oleh para sarjana hukum Islam tentang pembahagian *al-*

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.*

Sunnah dalam konteks ini. Ini kerana pengkaji mendapati penulisan-penulisan yang lain hampir kesemuanya boleh dikatakan menggunakan kaedah yang hampir sama dengan apa yang diutarakan dalam penulisan-penulisan di atas.

VII. METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian perpustakaan (*library research*) ini, pengkaji mengaplikasikan beberapa metode, iaitu;

a. Metode Pengumpulan Data

Dalam proses pengumpulan data, pengkaji menggunakan metode dokumentasi. Metode dokumentasi bererti satu cara pengambilan data dengan cara meneliti dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji. Metode ini akan dapat digunakan dengan merujuk kepada buku-buku dan artikel-artikel. Pengkaji akan merujuk data-data dari sumber primer tanpa mengeneipkan data berbentuk sekunder.

Sumber-sumber primer merujuk kepada kitab-kitab klasik sama ada dalam bidang *al-Fiqh*, *Uṣūl al-Fiqh* atau *al-Ḥadīth*. Manakala sumber-sumber sekunder pula merangkumi penulisan-penulisan sarjana Islam mutakhir.

b. Metode Analisis Data

Setelah memperoleh data-data yang mencukupi dengan mengaplikasikan metode pengumpulan data, pengkaji akan menganalisis secara terarah maklumat tersebut dengan metode-metode berikut;

i. Metode Induktif

Metode induktif adalah satu cara data melalui pola berfikir dengan cara pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil bersifat umum.¹⁷ Pengkaji mengaplikasikan metode ini terutamanya dalam perbincangan bab pertama, kedua dan ketiga.

ii. Metode Komparatif (Perbandingan)

Metode ini adalah satu cara membuat kesimpulan melalui perbandingan terhadap data, fakta dan pendapat yang diperolehi semasa melakukan kajian dan penelitian¹⁸ daripada dua sumber yang berbeza dengan fokus pada tema tumpuan. Metode ini diaplikasi dalam perbandingan antara *al-Sunnah al-Tasyri'iyah* dan *al-Sunnah Ghayr al-Tasyri'iyah*.

¹⁷ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP-JKIP, h. 52-53.

Dalam disiplin Uşūl al-Fiqh, kaedah induktif dikenali sebagai kaedah *istiqrā'ī*. Lihat Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan : Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, h. 82.

¹⁸ Gerald S. Ferman & Jade Levin (1975), *Social Sciences Research*, Amerika Syarikat : John Wisley & Sons, h. 79.

VIII. SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam usaha menyiapkan kajian ini, pengkaji telah membahagikan penyelidikan ini kepada beberapa bahagian, iaitu dimulai dengan bahagian pendahuluan, isi dan penutup. Secara umumnya seperti berikut:

▪ Preliminari

Bahagian ini merupakan pembukaan yang mengandungi abstrak Bahasa Malaysia, Inggeris dan Arab, penghargaan, daftar isi, senarai kependekan dan panduan transliterasi.

▪ Bahagian Pendahuluan

Bahagian ini merupakan pengenalan dan kerangka secara keseluruhan kepada kajian yang dilakukan. Ia mengandungi pengenalan, latar belakang masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dijalankan, skop kajian dan ulasan penulisan (*review of literature*) yang telah dibuat serta sistematika penulisan. Pendek kata, ia merupakan kerangka metodologi kajian.

▪ Bab Pertama : *Al-Sunnah* : Konsep Dan Pembahagiannya

Bab ini menjelaskan tentang maksud istilah *al-Sunnah* dan istilah *al-Tasyrī'* secara berasingan, dari segi pengertian bahasa dan juga menurut istilah berbagai disiplin ilmu. Seterusnya menjelaskan tentang pandangan para sarjana hukum Islam tentang maksud dua istilah itu setelah digabungkan bersama menjadi satu istilah, iaitu *al-Sunnah al-Tasyrī'iyah*, serta apakah asas-asas

yang mereka gunakan dalam membahagikan *al-Sunnah* itu kepada *al-Tasyrī'iyah* dan *Ghayr al-Tasyrī'iyah*.

▪ **Bab Kedua : Kategori *Aḥkām al-Sunnah***

Bab ini menguraikan tentang pandangan para sarjana hukum tentang kategori ketetapan-ketetapan yang di buat oleh Nabi ﷺ (*aḥkām al-Sunnah*), iaitu kepada *al-'ibādāt*, *al-ta'abbudiyyāt* dan *al-'ādāt* yang merupakan asas utama kepada pembahagian *al-Sunnah* kepada *Ta'abbudī* dan *Maṣlahī*. Seterusnya menjelaskan tentang jenis *al-Manāṭ* dan juga *al-Qiyās* yang dipakai dalam setiap bahagian itu. Bab ini juga menjelaskan bahawa hanya *Aḥkām al-Sunnah* dalam kategori *al-'ādāt* yang tidak diijmak sebagai *al-ta'abbudiyyāt* sahaja yang harus dikaji tentang kategorinya.

▪ **Bab Ketiga : Asas Pembahagian *al-Sunnah* Dalam *Aḥkām al-'Ādāt***

Bab ini menerangkan tentang asas-asas yang diguna pakai oleh para sarjana hukum dalam pembahagian *al-Sunnah* kepada *Tasyrī'iyah* dan *Ghayr Tasyrī'iyah* serta pandangan pengkaji tentang asas-asas yang dipakai oleh mereka. Seterusnya kajian ini menjelaskan tentang penggunaan *al-Qiyās al-Ma'nawī* sebagai metodologi yang tepat untuk tujuan ini yang digunakan dalam berbagai-bagai konteks.

▪ **Bab Keempat : Penutup**

Bab ini merupakan bahagian penutup, yang mana merumuskan secara keseluruhan kajian dan hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian ini.